

**SPEKIFIKASI MENCETAK DAN MEMBEKAL**  
**RISALAH MALAYSIA TRAVEL GUIDE (BAHASA INGGERIS)**

Syarikat percetakan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tourism Malaysia dan Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia dijemput untuk mengemukakan tawaran bagi kerja mencetak risalah Malaysia Travel Guide. Butiran cetakan adalah seperti berikut:

1. No. Tender/Sebutharga : TM 12 / 2019 / 0057
2. Perkara : Mencetak dan Membekal Risalah Malaysia Travel Guide secara CTP
3. Bahasa : BAHASA INGGERIS
4. CD & Digital Pruf/Risalah Sedia Ada : Dibekalkan oleh Tourism Malaysia
5. Kuantiti : 75,000 naskhah
6. Tarikh Tawaran Dikeluarkan :
7. Tarikh Tawaran Ditutup :
8. **SPEKIFIKASI RISALAH**
  - i) Saiz Kulit :
    - a) Saiz Buka : 30cm (lebar) X 21cm (tinggi)
    - b) Saiz Tutup : 15cm (lebar) X 21cm (tinggi)
  - ii) Saiz Mukasurat Teks: a) Saiz Buka : 30cm (lebar) X 21cm (tinggi)
  - iii) Mukasurat : 108 mukasurat termasuk kulit
  - v) Jenis kertas :
    - a) Kulit : 230 gsm Matt Art Card
    - b) Teks : 65 gsm Light Weight Coated (LWC)
  - v) Proses cetakan :
    - a) Kulit Luar : 4 warna
    - b) Cetakan Dalam : 4 warna
9. **KEPERLUAN CETAKAN** (Tandakan ✓ pada perkara yang diperlukan)
  - i) Die-Cutting : YA  TIDAK
  - ii) UV Varnishing (Kulit sahaja) : YA  TIDAK
  - iii) Matt Lamination (Kulit sahaja) : YA  TIDAK
  - iv) Creasing : YA  TIDAK
  - v) Jenis Dakwat : High Quality Glossy Process Ink

10. **KEPERLUAN JILIDAN** (Tandakan ✓ pada perkara yang diperlukan)

- i) Wire Stapling/Saddle Stitched : YA  TIDAK   
(*menggunakan staple di tengah*)
- ii) Perfect Binding : YA  TIDAK   
(*dilipat dan digam pada spine*)
- iii) Lock Binding : YA  TIDAK   
(*dilipat, dipotong dan digam pada spine*)
- iv) Thread Sewn Binding : YA  TIDAK   
(*dijahit dan digam*)
- v) Wire Binding : YA  TIDAK   
(*menggunakan wire spine berbentuk 'C' dan ditekan sehingga membentuk bulatan*)

11. **PEMBUNGKUSAN**

- i) Kandungan Setiap Bungkus : 100 Naskhah
- ii) Setiap bungkus hendaklah dilabel dengan jelas di tepi bungkus:
- a) Nama Risalah : Malaysia Travel Guide  
(hendaklah dilekatkan pada tepi kedua-dua bahagian bungkus)
- b) Bahasa : ENGLISH
- c) Kuantiti : 100 copies
- d) Cara Pembungkusan : Menggunakan *Plain Brown Laminated Craft Paper*

12. **PRUF**

- i) Pruf Digital (bagi tujuan semakan susun atur dan muka surat)
- a) Dua set pruf digital berwarna diperlukan bagi kesemua muka surat dan hendaklah dijilid.
- b) Hendaklah dikemukakan **satu (1) hari bekerja** selepas menerima CD.
- c) Syarikat bertanggungjawab memastikan CD yang diterima boleh diguna pakai pada hari CD tersebut diserahkan.
- d) Jika tidak lulus, pruf digital seterusnya hendaklah dikemukakan **satu (1) hari bekerja** selepas maklum balas diberikan.
- e) Salinan yang diluluskan hendaklah dipulangkan beserta CD ke ibu pejabat setelah percetakan selesai dan penghantaran dibuat.
- f) Dua set pruf digital yang diluluskan diperlukan untuk rujukan ibu pejabat dan syarikat percetakan.
- ii) Pruf Mesin (bagi tujuan semakan warna)
- a) Dua set pruf mesin hendaklah dikemukakan **tiga (3) hari bekerja** selepas pruf digital diluluskan.

- b) Hendaklah merangkumi lapan muka surat berlainan termasuk kulit muka hadapan dan belakang, peta, imej, jadual dan sebagainya. Sekiranya tidak lulus, pruf mesin seterusnya hendaklah dikemukakan **satu (1) hari bekerja** selepas maklum balas diberikan.  
Nota: Syarikat percetakan bertanggung jawab memastikan pruf mesin muka surat selebihnya yang tidak dikemukakan mempunyai kualiti yang setanding dengan kualiti pruf mesin lapan muka surat yang diluluskan.
- c) Dua set pruf mesin yang diluluskan diperlukan untuk rujukan ibu pejabat dan syarikat percetakan.
- iii) Pruf Mesin Akhir (siap berjilid bagi tujuan kelulusan)
- a) Tiga set pruf mesin akhir hendaklah dikemukakan **tiga (3) hari bekerja** selepas pruf mesin diluluskan.
- b) Sekiranya tidak lulus, pruf mesin akhir seterusnya hendaklah dikemukakan **satu (1) hari bekerja** selepas maklum balas diberikan.
- c) Tiga set pruf mesin akhir yang diluluskan adalah untuk rujukan ibu pejabat, Pusat Pengedaran Bangi dan syarikat percetakan.

Ringkasan:

- Syarikat percetakan bertanggungjawab memastikan sekurang-kurangnya 3 pegawai menandatangani 'cop pruf digital' sebelum menyediakan pruf mesin.
- Syarikat percetakan bertanggungjawab memastikan sekurang-kurangnya 2 pegawai menandatangani 'cop pruf mesin' sebelum proses seterusnya dilaksanakan.
- Syarikat percetakan bertanggungjawab memastikan sekurang-kurangnya 2 pegawai menandatangani 'cop pruf mesin akhir' sebelum percetakan keseluruhan dibuat.

13. **SYARAT PENGHANTARAN**

- i) Risalah hendaklah dibuat sebanyak **..1..** kali penghantaran. Jadual penghantaran adalah seperti berikut:
- a) Penghantaran Pertama **...8... hari bekerja** selepas pruf mesin akhir diluluskan.
- b) Penghantaran baki (jika ada) **...-... hari bekerja** selepas penghantaran pertama dan berikutnya.

Nota: Jadual penghantaran di bawah adalah berkuat kuasa sekiranya penghantaran berperingkat diperlukan:

- 1,000 hingga 50,000 naskhah (1 penghantaran) - 8 hari bekerja selepas kelulusan
- 51,000 hingga 100,000 naskhah (2 penghantaran) – penghantaran ke 2 adalah 3 hari bekerja selepas penghantaran 1
- 101,000 hingga 150,000 (3 penghantaran) - penghantaran ke 3 adalah 3 hari bekerja selepas penghantaran 2
- Setiap tambahan 50,000 naskhah, dibolehkan menambah 1 kali bilangan penghantaran dan tambahan 3 hari bekerja selepas penghantaran terdahulu

- ii) Risalah yang telah dicetak hendaklah dihantar dengan bungkusan yang diletak di atas pallet yang berukuran 2 kaki X 3 kaki dan susunan risalah berketinggian 5 kaki.
- iii) Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk mengangkat dan menyusun barang-barang semasa penghantaran risalah ke Pusat Pengedaran Tourism Malaysia, Bandar Baru Bangi.

14. **RINGKASAN TEMPOH ASAS PROSES PERCETAKAN**

i)	Pruf Digital	1 hari bekerja selepas menerima CD
ii)	Pruf Mesin	3 hari bekerja selepas pruf digital diluluskan
iii)	Pruf Mesin Akhir	3 hari bekerja selepas pruf mesin diluluskan
iv)	Penghantaran	8 hari bekerja* selepas pruf mesin akhir diluluskan (*sila rujuk Perkara 13 bagi kuantiti dan syarat penghantaran sebenar )
Tempoh Masa		15 hari bekerja (sekiranya setiap peringkat terus mendapat kelulusan)

15. **KEPERLUAN LAIN**

Contoh boleh dilihat di alamat berikut (sebelum mengemukakan sebut harga) dan semua pruf hendaklah dihantar kepada:

- i) Tourism Malaysia  
Unit Penerbitan Risalah  
Bahagian Produksi  
Aras 2, No 2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
No. Tel: 03- 8891 8148

- ii) Tempat Penghantaran Risalah:

Pusat Pengedaran Tourism Malaysia  
No 9, Jalan P/15, Kawasan MIEL Fasa 4,  
Seksyen 10, Bandar Baru Bangi  
43650 Selangor  
Tel : 03-8922 2136 (u.p. En. Mohamed Nasiruddin Hassan)

Masa Penghantaran:	<u>Hari</u>	<u>Masa</u>
	Isnin – Khamis	9.00 pagi – 12.30 tgh 2.30 ptg – 4.00 ptg
	Jumaat	9.00 pagi – 11.30 tgh 3.00 ptg – 4.30 ptg

- iii) Pegawai Projek : Rosdey Salleh

16. **PEMBAYARAN**



Pembayaran akan dibuat mengikut jadual penghantaran risalah seperti di Perkara 13. Perkiraan akan dibuat berdasarkan harga kos seunit bagi setiap risalah.

17. **DENDA**

- i) Denda akan dikenakan mengikut kadar bayaran penalti seperti yang telah ditetapkan di dalam **Syarat-syarat Am Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia** sekiranya Syarikat Percetakan gagal mengikut jadual penghantaran seperti di atas
- ii) Sekiranya Syarikat Percetakan yang telah dilantik didapati menghantar bekalan risalah yang tidak menepati spesifikasi dari segi **kualiti, kuantiti dan tempoh masa**, tindakan sewajarnya akan dikenakan terhadap syarikat tersebut.

18. **PEMBATALAN TAWARAN**

- i) Tawaran ini boleh **dibatalkan** sekiranya pruf digital/pruf mesin/pruf mesin akhir yang dikemukakan semula oleh pihak syarikat masih tidak diluluskan oleh Tourism Malaysia.
- ii) Sekiranya tawaran dibatalkan, pihak syarikat dikehendaki memulangkan semua bahan cetak yang telah diserahkan kepada Tourism Malaysia sekurang-kurangnya 3 hari dari tarikh penolakan berkenaan.
- ii) Tourism Malaysia berhak menamatkan atau membatalkan tawaran kepada mana-mana syarikat yang tidak mengikut syarat-syarat seperti di atas.

<p>Disediakan Oleh:</p>  <p><b>Rosdey Salleh</b> Pegawai Pelancongan Tertinggi Bahagian Produksi</p>	<p>Disemak Oleh:</p>  <p><b>Azizul Raheem Awalludin</b> Penolong Pengarah Kanan Bahagian Produksi</p>
---	--